

PERSEPSI PENJAWAT AWAM TERHADAP PERANAN GENDER DALAM MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB KELUARGA

Nur Saadah Hamisan@Khair (Corresponding Author)
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
Tel: +60132223146, E-Mel: saadahkhair@usim.edu.my

Khadijah Muda, USIM
Farah Umaina Najwa Ismail, USIM

Abstrak

Tujuan kajian dijalankan adalah untuk membentangkan persepsi masyarakat terhadap peranan gender dalam melaksanakan tanggungjawab keluarga, serta menilai faktor-faktor demografi yang menyumbang kepada persepsi responden yang terdiri dari pelbagai agama dan kaum. Berdasarkan amalan masyarakat setempat, terdapat pembahagian tanggungjawab di antara lelaki dan wanita. Oleh itu, kajian ini juga akan menilai adakah pembahagian tersebut dibentuk berdasarkan perbezaan gender. Reka bentuk penyelidikan yang digunakan ialah penyelidikan deskriptif jenis tinjauan. Kajian ini melibatkan 473 orang penjawat awam di lima institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) di Malaysia dengan menggunakan instrumen soal selidik yang diedarkan secara atas talian. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden adalah 60.9% penjawat awam wanita dan 39.1% adalah penjawat awam lelaki dari IPTA yang berbeza di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang antara lelaki dan perempuan dalam melaksanakan tanggungjawab keluarga. Justeru, kajian ini bersetuju bahawa kedua-dua lelaki dan perempuan mempunyai peranan yang sama dalam melaksanakan tanggungjawab keluarga. Ia tidak boleh dijalankan sebelah pihak sahaja kerana Islam juga menggalakkan bahawa lelaki dan perempuan mempunyai hak yang sama penting dalam membina kebahagiaan rumahtangga.

Kata Kunci: Persepsi, Gender, Keluarga, IPTA, Malaysia

Pendahuluan

Di negara Asia seperti Malaysia, terdapat suatu stigma di dalam masyarakat bahawa terdapat pembahagian peranan di antara lelaki dan wanita di dalam institusi kekeluargaan. Kebiasaannya wanita diberikan tanggungjawab untuk mengurus rumah tangga dan menjaga anak-anak, sementara lelaki mempunyai peranan sebagai ketua keluarga dan mencari nafkah dan sumber kewangan buat keluarga. Amalan ini telah dipraktikkan selama beberapa generasi sehingga kini. Walaupun begitu, tidak dinafikan bahawa terdapat juga amalan di mana wanita telah mengambil tanggungjawab lelaki untuk keluar rumah bekerja, manakala ada juga kaum lelaki yang duduk di rumah dan menguruskan keluarga. Namun, persepsi yang memisahkan peranan gender masih berlaku secara berterusan di kalangan masyarakat Malaysia.

Menurut World Economic Forum (2019), skor indeks bagi Jurang Jantina Global untuk Malaysia pada tahun 2020 adalah 0.677, dengan skor 1 adalah kesamarataan mutlak dan skor 0 adalah

kesamarataan tidak mutlak. Malaysia berada di kedudukan yang rendah iaitu 104 dari 153 negara di dalam Indeks Jurang Jantina Global (*Global Gender Gap Index*) berdasarkan data statistik mengenai jurang lelaki dan wanita dalam empat aspek: penglibatan dalam ekonomi, pencapaian pendidikan, kesihatan dan kelangsungan hidup, dan pemeraksanaan dalam politik. Malaysia juga mempunyai jurang gender terbesar di Asia Tenggara tetapi dapatan menunjukkan bahawa kadar bagi kesamarataan gender (*gender equality*) di Malaysia masih lebih tinggi daripada negara-negara Asia lain seperti China dan Jepun.

Isu kesamarataan gender juga telah dibincangkan secara meluas di dalam kajian akademik dan dimasukkan di dalam agenda negara. Terkini, 17 agenda yang dibawa oleh PBB yang dikenali sebagai *Sustainable Development Goals* (SDG) juga mengandungi Kesamarataan Gender di dalam tujuan yang Kelima untuk mencapai kesetaraan gender dan memperkasakan semua wanita dan anak perempuan (United Nation, 2015). Setiap negara - termasuk Malaysia - akan mencapai tujuan ini secara berbeza kerana SDG mempunyai faedah dan cara pelaksanaan berdasarkan fleksibiliti yang diamalkan di negara tempatan (Morton et al., 2017).

Walaupun demikian, diskriminasi terhadap gender khususnya wanita masih wujud di seluruh dunia. Wanita masih dipandang serong dan dibataskan penglibatannya di dalam pelbagai bidang, dan amalan patriarki serta chauvinisme masih diamalkan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung (Goh, 2015). Sadisnya, terdapat kritikan yang cuba menghubungkan amalan patriarki dengan agama dan budaya. Sebagai contoh, pandangan yang mengatakan Islam menyekat hak kebebasan wanita dan mendorong diskriminasi gender sering dibahaskan media barat. Walhal, diskriminasi terhadap wanita berlaku dalam pelbagai bentuk tidak mengira bangsa dan agama dan terjadi kepada wanita yang tinggal sepenuh masa di rumah atau bekerja sepenuh masa di luar rumah (Parker & Cary, 2017).

Permasalahan dan Objektif Kajian

Di Malaysia, kes diskriminasi terhadap wanita terjadi di semua sektor sama ada sektor awam mahupun sektor swasta (Awang & Hariharan, 2011; Syaza Farhana, 2019; Women's Aid Organisation, 2001; SUHAKAM, 2009). Malah, kes yang melibatkan keganasan rumahtangga dan gangguan seksual meningkat dengan mendadak pada setiap tahun. Sebagai contoh, menurut laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM), keganasan rumahtangga dan penderaan kanak-kanak telah dilaporkan meningkat apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan sejak pertama kali pada awal tahun 2020 (BERNAMA, 2020; Nur Farhana Abdul Manan, 2020). Ia berdasarkan aduan yang terima daripada mangsa, dan terdapat kemungkinan besar kes yang tidak dilaporkan adalah lebih banyak daripada kes yang telah dilaporkan kerana mangsa tidak boleh meninggalkan rumah mereka untuk membuat aduan (Farhira Farudin, 2021)

Antara keganasan yang dilaporkan terjadi ke atas wanita terdiri daripada keganasan fizikal dan gangguan seksual, keganasan pertuturan (maki hamun dan cacian), ugutan, gangguan atau pengabaian emosi dan kewangan. Secara umumnya, wanita terkesan teruk dari sudut fizikal dan juga mental apabila memikul bebanan berlebihan (Hasnan, 2021) dan berseorangan menguruskan hal rumahtangga. Hal ini sangat membimbangkan kerana keadaan wanita yang sering menjadi mangsa boleh meruntuhkan institusi kekeluargaan dan memberi kesan buruk kepada perkembangan anak-anak. Terdapat juga pelbagai persepsi yang sering menyalahkan wanita apabila berlakunya masalah

di dalam keluarga. Ia memberi impak yang lebih besar kerana tanggungjawab di dalam sesebuah keluarga bukanlah ditanggung seorang diri sahaja tetapi perlu ditangani bersama khususnya di antara suami dan isteri.

Oleh yang demikian, pelbagai kajian telah menekankan bahawa setiap ahli keluarga mempunyai peranan masing-masing dan bertanggungjawab ke atas keluarga mereka. Namun begitu, didapati kajian yang berkaitan peranan gender yang berkaitan isu keluarga tidak banyak dibahaskan melainkan isu gender dalam hukum Islam (Ramli et al., 2016), isu bias gender dalam masyarakat Muslim (Ramli, 2010), isu gender dalam penglibatan politik (Nor Rafidah Saidon, 2017), isu diskriminasi gender dalam pekerjaan (Syaza Farhana, 2019), dan lain-lain.

Justeru, terdapat dua objektif utama dalam menjalankan kajian ini. Pertama, kajian ini bertujuan untuk mengetahui persepsi penjawat awam dari institusi pengajian tinggi awam yang terpilih di Malaysia dalam memahami peranan gender yang berbeza dalam menjalankan tanggungjawab terhadap keluarga. Kedua, kajian ini dijalankan untuk menghuraikan tanggungjawab dan peranan gender khususnya lelaki dan wanita terhadap keluarga berdasarkan perspektif Islam.

Metodologi Kajian

Kajian ini dilakukan secara kuantitatif melalui soal selidik yang dibangunkan sendiri sebagai instrumen kajian. Dalam instrumen ini, responden diminta untuk menunjukkan tahap persetujuan mereka dengan pernyataan tertentu dengan menggunakan Skala Likert yang mengukur dari nombor satu (1) yang menunjukkan sangat tidak setuju hingga nombor lima (5) yang menunjukkan sangat setuju. Soal selidik dibahagikan kepada empat (4) bahagian seperti di bawah:

Jadual 1: Bahagian yang terkandung dalam Soal Selidik

Bahagian	Penerangan
Bahagian A	Profil Sosio-Demografi
Bahagian B	Peranan Jantina Dalam Tanggungjawab Keluarga
Bahagian C	Peranan Jantina Dalam Pendidikan
Bahagian D	Peranan Jantina Dalam Pekerjaan

Untuk menganalisa data, data yang dikumpulkan dari soal selidik dianalisis menggunakan deskriptif dan statistik inferensi. Analisis Inferensi Statistik dilakukan dengan menggunakan ujian-T dan ANOVA. Didapati bahawa kebolehpercayaan data (*Cronbach alpha*) untuk ketiga-tiga bahagian peranan gender dalam tanggungjawab keluarga, pendidikan dan pekerjaan masing-masing adalah .736, .626, dan .640. Oleh kerana kebolehpercayaan untuk faktor-faktor ini lebih besar daripada .60, ini menunjukkan bahawa setiap soalan tersebut memiliki kebolehpercayaan yang baik. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya akan membincangkan persepsi penjawat awam terhadap satu aspek sahaja iaitu peranan gender dalam tanggungjawab keluarga. Ini adalah kerana ia mempunyai kebolehpercayaan tertinggi berbanding bahagian-bahagian lain.

Dapatan Kajian

Melalui data yang telah dikumpulkan dan dianalisis, kajian ini menemui beberapa penemuan penting terhadap persepsi responden mengenai peranan gender di dalam menjalankan tanggungjawab mereka terhadap keluarga. Dapatan dibahagikan kepada tiga: pertama, maklumat dan latar belakang responden; kedua, nilai signifikan bagi gender dalam menjawab bahagian yang berkaitan dengan

tanggungjawab keluarga; dan ketiga, tahap interpretasi bagi setiap item yang terkandung dalam bahagian tanggungjawab keluarga.

Latar Belakang Responden

Secara keseluruhan, terdapat 473 penjawat awam dari institusi pengajian tinggi terpilih di Malaysia telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Jumlah responden ialah 24.9% dari UiTM, 23.3% dari UKM, 18.6% dari UPM, 17.5% dari UMS, dan 15.6% dari UNIMAS. Universiti-universiti ini dipilih berdasarkan pemilihan rawak kelompok dari semua institusi pendidikan tinggi awam di Malaysia. Umur responden yang menjawab adalah di antara 19 hingga 69 tahun. Responden terdiri daripada 39.1% pekerja lelaki (n = 185) dan 60.9% pekerja wanita (n = 288). Di samping itu, sampel terdiri daripada pekerja dari pelbagai kaum: 77% Melayu, 3.8% Cina, 2.1% India, 16.5% Bumiputera Sabah dan Sarawak, dan 0.6% adalah selain daripada kaum ini. Didapati juga bahawa kelayakan akademik tertinggi responden adalah peringkat PhD. Kesemua dapatan ini boleh dilihat dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Bahagian A Latar Belakang Pelajar

Item		Frequency	Percent
Jantina	Lelaki	185	39.1%
	Perempuan	288	60.9%
Status Perkahwinan	Bujang	137	29.0%
	Berkahwin	325	68.7%
	Ibu Bapa Tunggal/Duda/Janda	11	2.3%
Kumpulan Etnik	Melayu	364	77.0%
	Cina	18	3.8%
	India	10	2.1%
	Bumiputera	78	16.5%
	Lain-lain	3	0.6%
Agama	Islam	425	89.9%
	Budha	6	1.3%
	Hindu	6	1.3%
	Kristian	29	6.1%
	Sikh	1	0.2%
	Tao/Confucius	2	0.4%
	Lain-lain	4	0.8%
Tahap amalan agama	Low	22	4.7%
	Moderate	337	71.2%
	High	114	24.1%
Pendidikan tertinggi yang dicapai	Diploma	78	16.5%
	Sarjana Muda	119	25.2%
	Sarjana	118	24.9%
	PhD	130	27.5%
	Lain-lain	28	5.9%
Majikan terkini	UITM	118	24.9%
	UPM	88	18.6%
	UKM	110	23.3%
	UMS	83	17.5%
	UNIMAS	74	15.6%
Bidang Pengkhususan	Sains Tulen dan Gunaan	63	13.3%

	Teknologi dan Kejuruteraan	50	10.6%
	Sains Klinikal dan Kesihatan	55	11.6%
	Sains Sosial	90	19.0%
	Pengurusan dan Perniagaan	64	13.5%
	Seni dan Seni Gunaan	13	2.7%
	Ilmu Alam dan Warisan Negara	3	0.6%
	Pertahanan dan Keselamatan	1	0.2%
	Teknologi Maklumat dan Komunikasi	32	6.8%
	Pentadbiran	89	18.8%
	Lain-lain	13	2.7%

Sumber: Soal Selidik

Perbezaan Gender dalam Aspek Tanggungjawab Keluarga

Berdasarkan demografi responden, majoriti responden adalah 60.9% penjawat awam wanita (n = 288) dan 39.1% adalah penjawat awam lelaki (n = 185) dari institusi pendidikan tinggi awam yang berbeza di Malaysia. Data ini penting untuk menilai adakah jantina mereka mempunyai sumbangan yang signifikan dalam persepsi mereka mengenai peranan gender.

Dari segi tanggungjawab dalam keluarga, telah didapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan ($t = 0.919$, $df = 471$, $p < .05$) antara lelaki ($M = 35.87$, $SD = 5.64$, $n = 185$) dan perempuan ($M = 35.34$, $SD = 6.35$, $n = 288$) dalam melaksanakan tanggungjawab keluarga (lihat Jadual 3).

Jadual 3: Perbezaan Jantina dalam Persepsi Melaksanakan Tanggungjawab Keluarga

Jantina (n)	Min (M)	Standard Deviation (SD)	T value (t)	Significant (p)
Lelaki (185)	35.87	5.64	0.919	.0358
Perempuan (288)	35.34	6.35		

Penemuan ini menunjukkan bahawa responden lelaki bersetuju bahawa peranan dan tanggungjawab di dalam keluarga boleh dibahagikan berdasarkan perbezaan gender mengikut kesesuaian dan fitrah masing-masing. Adapun begitu, kedua-dua lelaki dan wanita mempunyai tanggungjawab yang sama dalam menjaga anak-anak, membantu urusan rumah tangga, melaksanakan peranan mereka sebagai suami atau isteri, dan menghormati pasangan masing-masing. Walaupun telah dipraktikkan selama beberapa generasi bahawa tanggungjawab di rumah sering dipisahkan berdasarkan gender, kesedaran telah dipupuk bahawa lelaki juga mempunyai kemampuan untuk menguruskan tanggungjawab bersama keluarga di rumah, kerana kebanyakan wanita pada masa kini juga bekerja di luar rumah. Malah, lelaki bukan lagi satu-satunya pencari nafkah di dalam keluarga, dan wanita tidak lagi menghabiskan masa di dapur sepanjang hari. Dengan kemajuan globalisasi, lelaki dan wanita berkongsi tanggungjawab untuk mengekalkan kebahagiaan keluarga mereka.

Peranan Gender dalam Melaksanakan Tanggungjawab Keluarga

Hasil kajian telah menunjukkan bahawa setiap item dalam peranan gender dalam melaksanakan tanggungjawab keluarga berada pada tahap sederhana dan tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi adalah “Sokongan moral dari pasangan saya sangat penting bagi saya” dengan (min=4.56) iaitu berada pada tahap tinggi. Kekekapan dan peratusan menunjukkan seramai 323 penjawat awam (68.3%) menyatakan sangat setuju dan hanya 4 orang sahaja (0.8%) sangat tidak setuju dengan kenyataan berikut. Oleh yang demikian, jelas didapati bahawa setiap lelaki dan wanita

memerlukan pasangan masing-masing dan sokongan moral daripada mereka untuk menjalankan peranan dan tanggungjawab mereka di dalam sesebuah keluarga.

Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah adalah “Saya perlu patuh kepada pasangan saya dalam semua perkara” (min=2.91). Kekerapan dan peratusan pula menunjukkan seramai 109 (23.0%) menyatakan bersetuju dengan pernyataan bahawa perlu patuh dengan pasangan dalam semua perkara. 102 orang (21.6%) responden pula menyatakan tidak bersetuju manakala seramai 155 orang (32.8%) manandakan tidak pasti. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat perkara yang menyebabkan pasangan tidak pasti tentang perlunya patuh kepada pasangan.

Seterusnya ialah item yang mempunyai min sederhana dan ianya berada pada tahap yang paling sederhana di antara item yang ada adalah “Saya lebih berperanan dalam melakukan kerja-kerja rumah” (min=3.55). Berdasarkan kenyataan ini kekerapan dan peratusan pelajar yang tidak bersetuju seramai 41 orang (8.7%) manakala 150 orang (31.7%) bersetuju dengan kenyataan berikut. 102 orang (21.6%) sangat bersetuju bahawa mereka lebih berperanan melakukan kerja-rumah dan 26 orang (5.5%) sangat tidak bersetuju. Ini jelas menunjukkan kebanyakan responden bersetuju tentang peranan masing-masing dalam menguruskan tugas di rumah.

Hasil keseluruhan daripada soal selidik yang telah dijalankan boleh dilihat secara terperinci di dalam Jadual 4.

Jadual 4: Peranan Gender dalam Melaksanakan Tanggungjawab Keluarga

Bil	Item	STS	TS	TP	S	SS	Min	Interpretasi
B1	Tanggungjawab saya dalam keluarga lebih penting daripada pasangan saya	43 (9.1)	58 (12.3)	145 (30.7)	128 (27.1)	99 (20.9)	3.38	Sederhana
B2	Saya lebih berperanan dalam menjaga anak-anak	43 (9.1)	32 (6.8)	168 (35.5)	140 (29.6)	90 (19.0)	3.43	Sederhana
B3	Saya lebih berperanan dalam melakukan kerja-kerja rumah	26 (5.5)	41 (8.7)	154 (32.6)	150 (31.7)	102 (21.6)	3.55	Sederhana
B4	Saya bertanggungjawab menjaga hal ekonomi keluarga	23 (4.9)	40 (8.5)	110 (23.3)	151 (31.9)	149 (31.5)	3.77	Tinggi
B5	Saya bertanggungjawab menjaga hubungan baik dengan keluarga mertua	14 (3.0)	20 (4.2)	96 (20.3)	158 (33.4)	185 (39.1)	4.01	Tinggi
B6	Pasangan saya mempengaruhi saya dalam membuat keputusan	23 (4.9)	42 (8.9)	142 (30.0)	172 (36.4)	94 (19.9)	3.58	Sederhana
B7	Saya perlu patuh kepada pasangan saya dalam semua perkara	66 (14.0)	102 (21.6)	155 (32.8)	109 (23.0)	41 (8.7)	2.91	Sederhana
B8	Tanggungjawab saya	74	67	122	137	73	3.14	Sederhana

	dalam keluarga dipengaruhi oleh gender saya	(15.6)	(14.2)	(25.8)	(29.0)	(15.4)		
B9	Tanggungjawab saya dalam keluarga dipengaruhi oleh sumber pendapatan saya	59 (12.5)	70 (14.8)	129 (27.3)	138 (29.2)	77 (16.3)	3.22	Sederhana
B10	Sokongan moral dari pasangan saya sangat penting bagi saya	4 (0.8)	7 (1.5)	34 (7.2)	105 (22.2)	323 (68.3)	4.56	Tinggi
	Min Keseluruhan						3.55	

Kajian ini juga mendapati bahawa sokongan moral daripada pasangan adalah sangat penting ketika menjalani kehidupan seharian. Hal ini adalah kerana salah satu hikmah perkahwinan yang dianjurkan di dalam Islam adalah ialah agar suami dan isteri sentiasa merasai ketenangan dan kebahagiaan hidup. Jika terdapat masalah yang timbul, kedua-dua pasangan perlu saling berbincang dan menyokong antara satu sama lain dan setiap pasangan haruslah sentiasa berusaha menjaga keharmonian rumah tangga mengikut syariat Islam (Musthaphar et al., 2020). Di dalam al-Quran, Allah telah berfirman: “Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berpikir” (Surah Al-Rum: 21).

Perbincangan

Melalui data yang telah dianalisis, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden yang menjawab soal kaji selidik adalah penjawat awam yang beragama Islam iaitu sebanyak 89.9% (n = 425). Oleh yang demikian, kajian ini mengambil pendekatan untuk mengupas dengan lebih lanjut berkaitan tanggungjawab lelaki dan wanita terhadap institusi keluarga berdasarkan perspektif Islam.

Di dalam Islam, lelaki dan wanita adalah sama apabila diukur sebagai hamba Tuhan. Kedua-duanya mempunyai hak yang sama untuk mengikut perintah Allah dan menjauhi larangannya, dan kedua-dua juga menerima pahala dan balasan yang sama ke atas amalan yang dilakukan. Firman Allah dalam Surah al-Ahzab, ayat 35: “Sesungguhnya lelaki dan perempuan yang Muslim, lelaki dan perempuan yang mukmin, lelaki dan perempuan yang tetap dalam ketaatannya, lelaki dan perempuan yang benar, lelaki dan perempuan yang sabar, lelaki dan perempuan yang khusyu’, lelaki dan perempuan yang bersedekah, lelaki dan perempuan yang berpuasa, lelaki dan perempuan yang memelihara kehormatannya, lelaki dan perempuan yang banyak menyebut (nama) Allah, Allah telah menyediakan untuk mereka ampunan dan pahala yang besar.”

Akan tetapi, tidak dinafikan bahawa terdapat perbezaan di antara lelaki dan wanita dari pelbagai sudut fizikal, biologi, psikologi, dan fisiologi yang bertindak sebagai faktor penting untuk kedua-duanya saling memerlukan dan melengkapi di antara satu sama lain. Justeru, setiap daripada mereka mempunyai tanggungjawab dan peranan masing-masing bagi menjamin kebahagiaan sesebuah institusi keluarga.

Secara fitrahnya, lelaki merupakan pelindung utama kepada ahli keluarganya. Hal ini kerana, Allah S.W.T telah mengurniakan kekuatan dan kelebihan yang khusus kepada mereka. Firman Allah yang bermaksud: “Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (wanita), dan kerana mereka telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka” (Surah An-Nisa’: ayat 34). Kekuatan ini memberi kelebihan buat kaum lelaki untuk melindungi keluarganya dan melayani mereka dengan baik.

Sebagai suami, terdapat beberapa tanggungjawab yang wajib ditunaikan. Antaranya ialah memberi ketika akad nikah dan memberi nafkah zahir dan batin secara rutin kepada isteri, serta berkhidmat dengan baik kepada isteri dan anak-anak. Kewajiban memberi nafkah adalah mengikut kemampuan para suami dan isteri mempunyai hak untuk menuntut nafkah menurut peruntukan yang terdapat dalam undang-undang keluarga Islam. Sekiranya seorang suami kurang berkemampuan, perintah yang sama dinyatakan di dalam al-Quran dalam memberi nafkah buat ahli keluarga. Allah telah berfirman: “Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya. Dan orang yang disempitkan rezekinya hendaklah memberi nafkah dari harta yang diberikan Allah kepadanya” (Surah al-Talaq: ayat 7). Firman Allah lagi: “...dan kewajiban bapa pula adalah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya...” (Surah al-Baqarah: ayat 233).

Kaum lelaki memainkan peranan yang penting untuk memimpin isteri dan anak-anak ke jalan yang diredhai Allah. Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud: “Berilah nasihat yang baik kepada kaum wanita...” (Riwayat Bukhari & Muslim). Ia merupakan tanggungjawab penting yang digalas oleh suami agar menegur kesalahan isteri dan anak-anak secara berhikmah. Di samping itu, para ketua keluarga bertanggungjawab memelihara ahli keluarganya agar terselamat daripada azab neraka. Disebabkan itu, suami dan bapa memegang tanggungjawab yang berat untuk memastikan ahli keluarganya beriman dan melaksanakan perintah Allah dan menjauhi laranganNya.

Di dalam masa yang sama, wanita juga mempunyai peranan dan tanggungjawab besar dalam keluarga dengan memegang gelaran isteri dan juga ibu. Seorang isteri wajib menjaga kehormatan dirinya, suaminya dan ahli keluarganya, mematuhi perintah suami selagi mana tidak bertentangan dengan syariat Islam, menjaga amanah dan harta suami, dan mencurahkan kasih sayang kepada suami dengan anak-anak (Siti Nur Husna et al., 2017). Menurut pandangan jumurh ulama, isteri tidak wajib untuk berkhidmat dan melayani suami dengan melakukan kerja-kerja rumah, namun sekiranya si isteri secara sukarela melakukannya, perbuatannya tidak dilarang (Ahmad Sarwat, 2021). Selain itu, wanita juga dianugerahkan dengan tanggungjawab sebagai ibu yang sesuai dengan fitrahnya yang boleh mengasuh dan mendidik anak-anak serta membentuk karakter dan nilai positif di dalam diri mereka.

Tidak dinafikan bahawa tanggungjawab bagi para suami/bapa dan isteri/ibu adalah berat jika dipikul berseorangan diri. Disebabkan itu, kedua-duanya saling memerlukan dan melengkapi serta membantu antara satu sama lain dalam menjalankan peranan masing-masing. Pada zaman kini, tanggungjawab di dalam keluarga tidak boleh lagi dibezakan berdasarkan jantina dan gender. Isteri tidak lagi hanya perlu berada di dapur, tetapi boleh membantu dalam mencari rezeki dan menguruskan kewangan keluarga. Suami tidak lagi berseorangan untuk bekerja, tetapi juga mampu meluangkan masa dalam melakukan kerja rumah dan melayani anak-anak.

Tambahan daripada itu, pandangan yang menyalahkan agama Islam dalam mendiskriminasi wanita perlu diperbetulkan dengan mengambilkira latar belakang budaya dan tradisi asal bagi sesuatu

masyarakat. Ini adalah kerana pengaruh tradisi tempatan yang telah berakar umbi dan menjadi amalan tidak menggambarkan ajaran Islam yang sebenar (Ramli, 2010). Contoh terbaik yang dijadikan panduan di dalam keluarga ialah junjungan Nabi Muhammad SAW yang melayani para isteri dan ahli keluarganya dengan baik, adil dan saksama, di samping melakukan kerja rumah dan membantu dalam meringankan beban mereka. Para isteri baginda juga telah menjadi contoh dan membuktikan bahawa wanita boleh berjaya sama ada di dalam mahupun di luar rumah, kerana selain menjadi isteri dan ibu, ada di antara mereka yang turut menyertai peperangan, menjalankan perniagaan, membuka kelas pengajian, menjadi rujukan ilmu pengetahuan, dan terlibat sama dalam barisan kepimpinan.

Penutup

Sebagai kesimpulan, terdapat pelbagai faktor dalam memahami perbezaan gender dan peranannya khususnya di dalam institusi kekeluargaan. Tinjauan yang dilakukan melalui atas talian ini bertujuan untuk menilai persepsi responden terhadap peranan gender dalam melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap keluarga. Kajian mendapati bahawa majoriti responden tidak mengira jantina bersetuju bahawa lelaki dan wanita mempunyai tanggungjawab masing-masing dalam memastikan kebahagiaan rumahtangga, dan tidak bergantung kepada suami sahaja yang menjadi ketua keluarga atau kepada isteri sahaja yang lebih banyak menguruskan urusan rumahtangga dan anak-anak.

Berdasarkan dapatan tersebut, ia selari dengan ajaran Islam bahawa tanggungjawab di dalam keluarga perlu dipikul bersama kerana lelaki mahupun wanita mempunyai tanggungjawab yang sama sebagai pemimpin di dalam keluarga masing-masing. Hakikat kepimpinan setiap individu ini telah dinyatakan oleh Nabi Muhammad SAW di dalam sebuah hadis yang bermaksud “Kamu semua adalah pemimpin dan kamu semua bertanggungjawab terhadap apa yang kamu pimpin. Seorang pemerintah adalah pemimpin dan dia bertanggungjawab terhadap rakyatnya. Seorang lelaki (suami) adalah pemimpin ahli keluarganya dan dia bertanggungjawab terhadap mereka. Manakala seorang isteri adalah pemimpin rumah tangga, dan anak-anaknya, dia bertanggungjawab terhadap mereka. Seorang hamba adalah penjaga harta tuannya dan dia juga akan bertanggungjawab terhadap harta jagaannya.” (Sahih al-Bukhari, Hadith no.: 849, 2243, 2380, 2383, 2559, 4814; Sahih Muslim, Hadith no.: 3414)

Adapun begitu, kajian ini masih merupakan kajian tinjauan awal yang dilaksanakan terhadap lima institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia yang telah dipilih secara rawak. Walaupun majoriti responden adalah wanita, tetapi ia tidak memberi kesan negatif di dalam dapatan kajian kerana dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan ($t = 0.919$, $df = 471$, $p < .05$) antara lelaki ($M = 35.87$, $SD = 5.64$, $n = 185$) dan perempuan ($M = 35.34$, $SD = 6.35$, $n = 288$) dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga. Oleh yang demikian, kajian ini boleh dilanjutkan dengan mengadakan sesi temubual dengan lebih mendalam bagi mendapatkan pandangan terhadap isu gender yang berkaitan dengan isu kekeluargaan dalam dua kerangka yang berbeza iaitu perspektif Islam dan Barat, dan kesannya terhadap masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.

Penghargaan

Kajian ini ialah sebahagian daripada hasil geran penyelidikan USIM Grant Challenge yang dibiayai oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kod penyelidikan PPPI/UGC_0119/FPQS/051000/12719.

Rujukan

- Ahmad Sarwat. (2021). *Islam kata: Isteri Bukan Bibik*. Selangor: Putih Press.
- Awang, H., & Hariharan, S. (2011). Determinants of Domestic Violence: Evidence from Malaysia. *Journal of Family Violence*, 26(6), 459–464. <https://doi.org/10.1007/s10896-011-9380-6>
- BERNAMA. (2020, November 8). Keganasan rumah tangga: 1,929 aduan diterima sejak PKP dilaksana - Rina Harun. *BERNAMA*. https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1898714
- Farhira Farudin. (2021). *Aktivis ingatkan 'pandemik' keganasan berdasarkan gender makin meningkat*. MalaysiaNow. <https://www.malaysianow.com/berita/2021/04/19/aktivis-ingatkan-pandemik-keganasan-berdasarkan-gender-makin-meningkat/>
- Goh, W. L. (2015). Gender inequality and women in Malaysia. *Malaysia Kini*. <https://www.malaysiakini.com/letters/291333>
- Hasnan, H. A. (2021). PKP: Wanita paling teruk terkesan mental dan fizikal - Kajian UNICEF, UNFPA | *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkp-wanita-paling-teruk-terkesan-mental-dan-fizikal-kajian-unicef-unfpa-297426>
- Husna Rahman, Izhar Kashim, & Adnan Pitchan. (2018). Peranan Wanita Dalam Institusi Kekeluargaan: Perbincangan Dari Perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(1), 1–6. http://repo.uum.edu.my/11919/1/13.pdf%0Ahttp://journalarticle.ukm.my/5660/1/16.geografia-okt%2520%25202012-rahamah-ukm-melayu-kat.pdf%0Ahttps://attachment.fsbx.com/file_download.php?id=556863294402351&eid=ASsS BOSX8Cv-VKjLgm4zC1XPrvJi7eHUR7uqS7DR_9-LsD3VA
- Morton, S., Pencheon, D., & Squires, N. (2017). Sustainable Development Goals (SDGs), and their implementation. *British Medical Bulletin*, 124(1), 81–90. <https://doi.org/10.1093/bmb/ldx031>
- Musthapar, N. F., Hj Azahari, R., & Ahmad, B. (2020). Sakīnah, Mawaddah Dan Raḥmah Dalam Perhubungan Suami Isteri: Analisis Literatur. *Jurnal Syariah*, 28(1), 81–104. <https://doi.org/10.22452/js.vol28no1.4>
- Nor Rafidah Saidon, S. D. & M. S. (2017). Faktor Kepimpinan dan Gender dalam Penglibatan Politik Wanita di Malaysia (1980-2013). *Akademika Journal*, 87(3), 61–73. <https://doi.org/10.17576/akad-2017-8703-05>
- Nur Farhana Abdul Manan. (2020, June 11). Laporan keganasan rumah tangga meningkat. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/87263/BERITA/Nasional/Laporan-keganasan-rumah-tangga-meningkat>
- Parker, K., & Cary, F. (2017). *Gender discrimination comes in many forms for today's working women*. Pew Research Centre. <http://www.pewresearch.org/fact-tank/2017/12/14/gender-discrimination-comes-in-many-forms-for-todays-working-women/>
- Ramli, M. A. (2010). Bias Gender dalam Masyarakat Muslim: Antara Ajaran Islam dengan Tradisi Tempatan. *Jurnal Fiqh*, 7, 49–70.

- Ramli, M. A., Abdul Rahim, R. A., & Rosele, M. I. (2016). Input Isu-Isu Gender Terhadap Hukum Islam Semasa. In Ridzwan Ahmad, Raihanah Hj Azahari, & Noor Naemah Abdul Rahman (Eds.), *Pemikiran Hukum Islam Semasa: Aliran, Kritikan dan Aplikasi* (Issue October, pp. 205–245). Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM.
- Siti Nur Husna, A. R., Mohd Izhar Ariff, M. K., & Muhammad Adnan, P. (2017). Peranan Wanita Dalam Institusi Kekeluargaan: Perbincangan Dari Perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(3), 1–16. <http://journalarticle.ukm.my/5660/1/16.geografia-okt%2520%25202012-rahamah-ukm-melayu-kat.pdf>
- Syaza Farhana, M. S. (2019). *Diskriminasi Gender Dalam Amalan Pekerjaan di Kalangan Penjawat Awam di Negeri Selangor* (Issue 2).
- United Nation. (2015). *Transforming our World: The 2030 Agenda for Sustainable Development*. <https://sustainabledevelopment.un.org/content/documents/21252030> Agenda for Sustainable Development web.pdf
- World Economic Forum. (2019). *Global Gender Gap Report 2020: Insight Report*. http://www3.weforum.org/docs/WEF_GGGR_2020.pdf